

Sistem pendidikan perlu disusun semula

BH 3 ' SEP 2001

Oleh Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Ahad - Sistem pendidikan kebangsaan perlu disusun semula dengan mengambil kira kesan globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) serta teknologi maklumat.

Penyusunan semula itu perlu bagi memastikan penyertaan Bumiputera dalam struktur guna tenaga di negara ini mencerminkan jumlah sebenar Bumiputera dalam masyarakat.

Presiden Persatuan Kebangsaan Institusi Tinggi Swasta Bumiputera, Dr Ismail Mohd Salleh, berkata penyusunan itu perlu dilaksanakan segera untuk memberi peluang kedua kepada pelajar yang tercicir atau mendapat keputusan akademik rendah, meningkatkan kemahiran.

"Pelajar yang tercicir perlu diberi peluang mendapat kemahiran supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping membantu usaha penyusunan semula struktur guna tenaga," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerja mengenai Pendidikan Tinggi Da-

Penyusunan semula perlu bagi memberi peluang kedua pelajar yang tercicir atau mendapat keputusan akademik rendah, meningkatkan kemahiran

lam Melahirkan Sumber Tenaga Manusia pada Kongres Pendidikan Melayu anjuran bersama Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Kumqulan Melavu Prihatin.

Seminar dua hari bermula semalam di Pusat Dagangan Dunia Putra itu, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam kertas kerja itu, Dr Ismail turut mengemukakan lapan cadangan bagi mengimbang struktur guna tenaga melalui pendidikan dan latihan yang diakui paling mendesak, iaitu:

- Meningkatkan pelajar di institusi pengajian tinggi ke tahap 40 peratus.

- Meningkatkan prestasi pelajar luar bandar.

- Meningkatkan pencapaian Matematik, Sains dan bahasa Inggeris.

- Mengiktiraf fungsi penting institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) Bumiputera dalam melahirkan

sumber manusia negara.

- Menangani masalah kewangan pelajar Bumiputera.

- Menangani masalah penggunaan sumber kewangan yang tidak efisien.

- Perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan.

- Keperluan anjakan paradigma dalam sistem penilaian akademik.

Beliau berkata, matlamat meningkatkan nisbah pelajar yang berumur antara 17 dan 23 tahun di IPT ke tahap 40 peratus menjelang 2010 boleh dicapai dengan memperbanyakkan peluang pengajian.

"Kita ada banyak IPTS Bumiputera yang mempunyai pengalaman dalam mengendali program pada peringkat diploma serta mempunyai kelengkapan bermutu dan tenaga pengajar berpengalaman.

"IPTS ini pula perlu diberi pertimbangan untuk dinaikkan taraf ke peringkat Kolej Universiti," katanya.